

NAMA

ANGKA GILIRAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2026**SEJARAH**

1249/2

Kertas 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama** dan **nombor giliran** anda pada petak yang disediakan
2. Kertas soalan ini mengandungi **dua bahagian**: Bahagian A dan Bahagian B.
3. Jawapan hendaklah ditulis dengan jelas pada ruang yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.
4. Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah			

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak termasuk muka hadapan.

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan.

- 1** Nasionalisme adalah satu gerakan untuk mencapai kebebasan politik, ekonomi dan sosial serta tidak sama antara negara mahupun zaman.

(a) Senaraikan **dua** gerakan nasionalisme di Barat.

(i)

(ii) [2 markah]

(b) Huraikan gerakan nasionalisme di **1(a)**.

.....
.....
.....
.....
..... [4 markah]

(c) Teliti petikan berikut.

Menjelang mesyuarat Majlis Raja-Raja, Yang Di-Pertuan Agong ke-17 Sultan Ibrahim menzahirkan keutamaannya menjaga dan mendahulukan kebajikan rakyat dengan menggalas amanah serta tanggungjawab bagi pihak Raja-Raja Melayu.

Sumber: mediadigitaljohor.gov.my

Jelaskan kepentingan kepimpinan berwibawa dalam mengekalkan kedaulatan negara.

.....
.....
.....
.....
..... [4 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

- 2 Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 diadakan untuk membolehkan rakyat memilih wakil dalam membentuk kerajaan.

(a) Apakah syarat menjadi pengundi?

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Jelaskan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

.....

.....

.....


.....

.....

[4 markah]



- (c) Carta berikut berkaitan kriteria calon pilihan pengundi dalam Pilihan Raya Umum ke-15.



Sumber diubah suai: Kajian Astro Awani-Universiti Malaya

Sebagai seorang pengundi, apakah faktor utama calon yang menjadi pilihan anda?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3 Rukun Negara dibentuk pada tahun 1970 selepas peristiwa rusuhan kaum.

(a) Nyatakan **dua** matlamat Rukun Negara.

(i)

(ii) [2 markah]

(b) Huraikan **dua** prinsip Rukun Negara.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) “Sesungguhnya keharmonian dan kerukunan hidup dalam sebuah masyarakat yang berbilang kaum merupakan tunjang kepada kekuatan negara”.

Sumber: <https://www.bernama.com>

Ulaskan.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

[Lihat halaman sebelah

- 4 Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) ditubuhkan pada tahun 1969 bagi menjaga kepentingan negara dan umat Islam seluruh dunia.

(a) Namakan **dua** negara anggota OIC.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Bagaimanakah Malaysia membantu OIC mencapai matlamat mewujudkan kesejahteraan dunia?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Poster berikut menggambarkan kerjasama pertubuhan antarabangsa.



Beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

- 5 Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan secara rasmi setelah Raja-raja Melayu menandatangani perjanjian tersebut pada 1 Februari 1948.

(a) Jelaskan faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948. [4 markah]

(b) Terangkan ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948 dalam aspek berikut:

(i) Pentadbiran [4 markah]

(ii) Kewarganegaraan [4 markah]

(c) Teliti poster berikut.



Jelaskan kesan terhadap Malaysia pada masa hadapan berdasarkan mesej yang terkandung dalam poster tersebut. [8 markah]

- 6 Kemerdekaan menjadikan Persekutuan Tanah Melayu sebuah negara berdaulat yang mempunyai kuasa tertinggi dalam menentukan dasar politik dan pentadbiran sendiri.

(a) Takrifkan pengertian kemerdekaan. [4 markah]

(b) Jelaskan prinsip-prinsip kedaulatan negara. [8 markah]

(c) Teliti petikan berikut.

KUALA LUMPUR: Sebarang perasaan tidak suka atau tidak puas hati terhadap negara bukan lesen untuk membolehkan seseorang itu menghina bendera kebangsaan.

Pakar perundangan dan Perlembagaan, Prof Madya Datuk Dr Shamrahayu A. Aziz berkata kesedaran rakyat terhadap penggunaan Jalur Gemilang secara betul dan beretika perlu diperkasakan bagi memelihara maruah serta kedaulatan negara.

Jalur Gemilang bukan sekadar kain berwarna tetapi lambang kedaulatan dan identiti negara yang memerlukan rakyat memahami makna di sebalik setiap warna dan simbol yang ada, serta mengibarkannya sebagai tanda kebanggaan bukan hanya ketika sambutan kemerdekaan.

Perbuatan mengibar Jalur Gemilang adalah simbol semangat patriotisme yang menghargai jasa pejuang kemerdekaan dan sejarah pembinaan negara bangsa yang berdaulat.

Tindakan memasang bendera yang lusuh, koyak atau tidak mengikut peraturan memberi gambaran bahawa sesetengah rakyat kurang peka terhadap simbol kenegaraan sekali gus menjejaskan imej negara di mata masyarakat tempatan dan antarabangsa. Keadaan itu berpotensi melemahkan jati diri bangsa dan mengikis semangat patriotik dalam kalangan generasi muda.

Sumber diubah suai: <https://www.utusanborneo.com.my>

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan jelaskan usaha menghargai lambang negara. [8 markah]

7 Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem Persekutuan.

- (a) Jelaskan latar belakang sistem Persekutuan di negara kita. [6 markah]
- (b) Terangkan faktor-faktor yang mengukuhkan sistem Persekutuan yang diamalkan sehingga kini. [6 markah]
- (c) Baca petikan berikut.

KOTA KINABALU: Timbalan Perdana Menteri berkata jalinan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri perlu diperkukuh demi kepentingan rakyat keseluruhannya.

Beliau berkata kerjasama tersebut mempunyai makna lebih besar dalam memacu kemajuan dan pembangunan negara. Oleh itu, perbezaan politik perlu diketepikan kerana hanya akan menimbulkan ketidakstabilan.

Sumber diubah suai: Bernama, 4 Mei 2023

Beri ulasan anda.

[8 markah]

8 Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan tragedi hubungan antara kaum di negara kita.

(a) Mengapakah berlakunya tragedi tersebut? [4 markah]

(b) Jelaskan usaha berikut untuk menangani peristiwa 13 Mei 1969:

(i) Pengisytiharan darurat [4 markah]

(ii) Penubuhan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) [4 markah]

(c) Lirik lagu berikut dikaitkan dengan kesungguhan rakyat mengekalkan perpaduan kaum.

Perpaduan Teras Kejayaan

Kini semangat jalan seiring
Satu amanah kerjasama
Jadi teras bangsa mulia
Sehati sejiwa

Bangun membantu agar sepakat
Moga terserlah perpaduan
Agar teguh dipersada
Dalam hidup harmoni

Karya: LOKGHA

Beri ulasan anda.

[8 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

- 9 (a) Mengapakah Malaysia terlibat dalam isu kemanusiaan? [4 markah]
- (b) Berikut merupakan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang membantu krisis kemanusiaan sejagat.



- Jelaskan sumbangan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) tersebut. [8 markah]
- (c) Baca petikan berikut.

Dalam era dunia moden yang serba maju, krisis kemanusiaan masih menjadi isu besar yang membelenggu masyarakat antarabangsa. Walaupun teknologi dan ekonomi berkembang pesat, jutaan manusia masih hidup dalam keadaan serba kekurangan akibat peperangan, kemiskinan dan bencana alam.

Menurut laporan pertubuhan kemanusiaan antarabangsa, semakin ramai penduduk dunia terpaksa meninggalkan kediaman mereka untuk menjadi pelarian. Mereka bukan sahaja kehilangan rumah, malah turut menghadapi kekurangan makanan, air bersih dan rawatan kesihatan yang asas. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan terhadap masa depan generasi akan datang.

Di samping itu, konflik bersenjata yang berpanjangan di beberapa negara turut memburukkan keadaan. Kanak-kanak dan wanita sering menjadi mangsa utama dalam situasi ini. Banyak sekolah dan hospital musnah menyebabkan kehidupan seharian masyarakat terjejas teruk.

Sumber: www.astroawani.com

- Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut. [8 markah]



[Lihat halaman sebelah
SULIT